

0026

U B247 AAB
MAHATHIR - EKONOMI

JOHOR BAHRU, 27 OGOS (BERNAMA) -- DATUK-SERI DR MAHATHIR MOHAMAD MALAM INI MELAHIRKAN KEYAKINAN BAHAWA EKONOMI NEGARA AKAN PULIH BERIKUTAN TANDA-TANDA PERTUMBUHANNYA YANG MENGGALAKKAN SEKARANG.

KEADAAN EKONOMI SUDAH BERUBAH SEKARANG DENGAN HARGA KOMODITI UTAMA NEGARA SEDANG MENINGKAT, KATA PERDANA MENTERI PADA MAJLIS JAMUAN SEMPENA LAWATAN RASMI BELIAU KE NEGERI INI.

+SAYA YAKIN EKONOMI KITA AKAN BERTAMBAH PULIH PADA MASA AKAN DATANG, ASALKAN KITA DAPAT MENTADBIR NEGARA KITA DENGAN SEMPURNA DAN TENTUKAN TERDAPAT KESTABILAN POLITIK,+ KATANYA.

PERDANA MENTERI MENEKANKAN BAHAWA KESTABILAN POLITIK PERLU UNTUK MENARIK LEBIH BANYAK PELABUR ASING KE NEGARA INI, UNTUK MEMBUKA LEBIH BANYAK PELUANG PEKERJAAN DAN MENGGIATKAN EKONOMI.

+SUDAH RAMAI YANG MENDAPAT KERJA SEMULA DAN MEMULAKAN PERNIAGAAN KECIL-KECILAN,+ TAMBAHNYA. -- LAGI

2341MST 27 08 87

0033

U B248 AAB
MAHATHIR - EKONOMI 2 JOHOR BAHRU

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA MENGGESA RAKYAT SUPAYA JANGAN MENGHARAP BANTUAN PIHAK LAIN UNTUK MEMBAIKI PENGHIDUPAN MEREKA KERANA SIKAP TERLALU BERGANTUNG KEPADA ORANG LAIN AKAN MEMBAWA DIRI MEREKA +DIJAJAH+.

SEBALIKNYA, MEREKA PERLU BERUSAHA SENDIRI DAN BANGGUP MENUKAR CARA HIDUP DENGAN MENGAMALKAN CARA-CARA BARU YANG LEBIH BERKESAN DALAM MEMPERBAIKI KEDUDUKAN EKONOMI DAN MENGELAKKAN DIRI DARIPADA +DIJAJAH+.

PERDANA MENTERI BERKATA KERAJAAN JUGA TIDAK MAMPU MENAMPUNG SEGALA KEMAHUAN PEMBANGUNAN RAKYAT SEKIRANYA RAKYAT TIDAK GIAT BEKERJA UNTUK MEMESATKAN SEMULA EKONOMI NEGARA, SUPAYA KERAJAAN DAPAT MENGUTIP LEBIH BANYAK HASIL.

MENGENAI UMNO JOHOR, BELIAU BERHARAP IA TERUS KUKUH DAN KUAT SUPAYA KERAJAAN NEGERI DAN PUSAT TURUT KUAT.

SEMENTARA ITU MENTERI BESAR, HAJI MUHYIDDIN YASSIN BERKATA KEADAAN POLITIK DI JOHOR KIAN MANTAP BERIKUTAN WUJUD KESEDARAN YANG LEBIH DI KALANGAN PEMIMPIN UMNO UNTUK BERJUANG DEMI KEPENTINGAN BERSAMA. -- LAGI

2352MST 27 08 87

0036

U B249 AAB
MAHATHIR - EKONOMI 3 JOHOR BAHRU

BELIAU YANG JUGA KETUA PERHUBUNGAN UMNO NEGERI, BERKATA KESEDARAN ITU MERUPAKAN PETANDA SIHAT UNTUK MEMBOLEHKAN PARTI MENYUSUN PROGRAM DAN BERJUANG DENGAN LEBIH GIGIH.

SEMENTARA ITU HAJI MUHYIDDIN MEMINTA KERAJAAN PUSAT MEMPERTIMBANG DAN SETERUSNYA MELULUSKAN PERUNTUKAN \$69 JUTA UNTUK PROJEK BEKALAN AIR, ELEKTRIK DAN JALAN LUAR BANDAR DI NEGERI INI.

KATANYA, MASIH TERDAPAT KIRA-KIRA 20 PERATUS PENDUDUK LUAR BANDAR DI NEGERI INI YANG BELUM MENIKMATI BEKALAN AIR BERSIH DAN ELEKTRIK.

BELIAU MEMBERI JAMINAN BAHAWA KERAJAAN NEGERI AKAN TERUS MENGUTAMAKAN PENYEDIAAN KEMUDAHAN ASAS DI KAWASAN LUAR BANDAR.

HAJI MUHYIDDIN JUGA BERKATA KERAJAAN NEGERI MENGAMBIL PELBAGAI LANGKAH UNTUK MELINCINKAN PENTADBIRAN DAN MENGURANGKAN KERENAH BIROKRASI TERMASUKLAH DENGAN MENUBUHKAN PASUKAN PETUGAS KHAS UNTUK MENKKAJI KELEMAHAN DALAM PERATURAN DAN DASAR SEKARANG. -- LAGI

2357MST 27 08 87

D037

U B250 AAB
MAHATHIR - EKONOMI 4 JOHOR BAHRU

USAHA MENAMBAH PELABURAN ASING DAN TEMPATAN JUGA DIGIATKAN DENGAN PENEKANAN KHAS KEPADA INDUSTRI PEMBUATAN DAN PEKILANGAN DI SAMPING MENGERAKKAN INDUSTRI PERUMAHAN, TAMBAHNYA.

KERAJAAN NEGERI JUGA GIAT MENYEMAI SEMANGAT BERDIKARI DAN GOTONG-ROYONG MELALUI KEMPEN GERAKAN KESEDARAN BAGI MENGHAPUSKAN +SINDROM MEMINTA-MINTA+ DI KALANGAN RAKYAT.

HADIR SAMA DI MAJLIS ITU IALAH MENTERI PENERANGAN, DATUK MOHAMED RAHMAT, MENTERI KEBAJIKAN MASYARAKAT, ENCIK MUSTAFFA MOHAMED DAN BEBERAPA ORANG TIMBALAN MENTERI. -- BERNAMA
2358MST 27 08 87